

SULIT

02/1

Bahasa
Melayu

Kertas 1



ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
CAWANGAN PERLIS

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*


Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** perkataan yang **paling sesuai**.

1. Selepas banjir surut, bangkai binatang ternakan_____ di merata-rata tempat.
 - A. bersepahan
 - B. bergelimpangan
 - C. bertaburan
 - D. berselerakan
2. Mereka duduk menonton televisyen di atas sofa yang_____ sambil berbual-bual bersama dengan ahli keluarga.
 - A. gembur
 - B. lembut
 - C. empuk
 - D. lembek

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah



3. Pak Man _____pokok buluh dengan menggunakan parang untuk dijadikan alat permainan tradisional.
 - A. menutuh
 - B. mencantas
 - C. memangkas
 - D. menebang
4. Cadangan kamu itu akan_____ kemukakan kepada Cikgu Amran,” kata Cikgu Rozi kepada Alif.
 - A. aku
 - B. daku
 - C. saya
 - D. kita

5. Zulkifli membawa hatinya yang_____ dengan merantau ke luar negara setelah anaknya Nazli melupakannya.
A. remuk-redam
B. simpang-siur
C. punah-ranah
D. bolak-balik
6. Tiang beranda rumah usang itu sudah condong kerana _____ sudah reput.
A. kekisinya
B. sesikunya
C. tetulanganya
D. tetupainya
7. Kenderaan yang rosak di lebuhraya itu telah_____ oleh kereta peronda lebuhraya.
A. dituntun
B. ditunda
C. didorong
D. ditolak

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditandai dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

8. Masalah yang dihadapi oleh penduduk di kedua-dua buah kampung ini ialah kurangnya pengangkutan awam ke bandar. Tiada kesalahan.
A B C D
9. Keputusan pihak kerajaan menaikkan had laju di lebuhraya telah dipertikaikan oleh setengah pihak. Tiada kesalahan.
A B C D
10. Guru memberitahu kami bahawa kelulusan Bahasa Melayu dalam PMR di antara syarat yang diperlukan untuk kemasukan ke sekolah berasrama penuh. Tiada kesalahan.
A B C D

11. Puan Salmah dan keluarganya menunjungi ke pulau peranginan yang terkenal
itu untuk beristirahat. Tiada kesalahan.
A B
C D
12. Pengedar itu telah menggulai seorang pemuda di kampung kami dengan
sejumlah wang untuk menolongnya membekalkan pil khayal kepada beberapa
orang remaja. Tiada kesalahan.
A B C
D
13. Kami berasa lega apabila dapat melurutkan kaki di dalam khemah selepas
berkawal sepanjang hari. Tiada kesalahan.
A B C D
14. Beberapa orang pekerja sedang sibuk mengendahkan kawasan istana
bersempena dengan majlis perkahwinan Raja Muda. Tiada kesalahan.
A B C D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

15. I Penjaga gol itu gagal *menahan* asakan yang berterusan daripada pasukan lawan.
II Tempoh *menahan* pendatang asing tanpa izin akan dilanjutkan.
III Dahi abang berkerut kerana *menahan* kesakitan akibat disengat lebah.
IV Pihak polis telah *menahan* tiga orang penjenayah dalam serbuan itu.
- A. I dan II
B. III dan IV
C. I, III, IV
D. II, III, IV

16. I Kamariah *membawa* anaknya sepinggan nasi dan secawan teh.
II Azrin *membawa* hidupnya ke bandar untuk mengubah nasibnya.
III Awan mendung *membawa* alamat hujan akan turun tidak lama lagi.
IV Aktiviti mat rempit telah *membawa* keadaan kacau kepada penduduk di kawasan itu.
- A. I dan II
B. II dan III
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
17. I Orang tua-tua selalu berpesan agar anak-anak tidak duduk di *ambang* pintu pada waktu senja.
II Pertunangan merupakan adat orang Melayu sebelum menempuh *ambang* perkahwinan.
III Pada peringkat *ambang* inilah, penyakit itu memudaratkan kesihatan pesakit.
IV Saat yang paling mencabar ibu bapa untuk mendidik anak-anak adalah pada *ambang* remaja.
- A. I, dan II
B. I, dan III
C. I, II dan IV
D. II, III dan IV

Soalan 18 - 21

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

18. Sedang asyik dia membualkan kepandaiannya memancing ikan, Tharif terlupa akan pesanan ibunya untuk membeli sebuku roti.
- A. membualkan tentang kepandaiannya
B. berbual-bual kepandaiannya
C. berbual kepandaiannya
D. membualkan kepandaiannya

19. Sejak kehilangan anaknya, Mak Cik Bedah sering terdengar-dengar suara anaknya itu terutamanya pada waktu malam.
- A. pendengaran oleh suara anaknya
 - B. terdengar suara-suara anaknya
 - C. mendengar oleh suara anaknya
 - D. terdengar-dengar suara anaknya
20. Perbuatan Laili yang telah memalukan keluarganya itu amat mengguriskan hati kedua ibu bapanya kerana mereka sering dihina oleh penduduk kampung.
- A. menggores hati kedua –dua ibu bapanya
 - B. mengguris hati kedua –dua ibu bapanya
 - C. menggoreskan hati kedua ibu bapanya
 - D. mengguriskan hati kedua ibu bapanya
21. Mak Edah begitu bangga dan bersyukur kerana anak-anaknya pintar-pintar belaka.
- A. anaknya pintar-pintar belaka.
 - B. anak-anaknya begitu pintar-pintar belaka.
 - C. anak-anaknya pintar-pintar.
 - D. anak-anaknya pintar-pintar belaka.

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22. **Tujuan utama kerajaan mewujudkan sekolah wawasan adalah untuk memupuk perpaduan antara kaum dan budaya toleransi dalam kalangan pelajar di negara ini.**
- A. Sekolah Wawasan hendaklah diwujudkan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum dan budaya bertolak ansur terhadap sebilangan pelajar dalam negara ini.
 - B. Memupuk perpaduan antara kaum dan budaya toleransi dalam kalangan pelajar merupakan antara peranan dan matlamat kewujudan Sekolah Wawasan di negara ini.
 - C. Memupuk perpaduan antara kaum dan pengamalan budaya toleransi dalam kalangan pelajar di negara ini merupakan objektif utama kerajaan untuk menubuhkan Sekolah Wawasan.
 - D. Kewujudan Sekolah Wawasan bermatlamatkan pemupukan perpaduan antara kaum dan budaya toleransi dalam kalangan pelajar di negara ini

23. **Kebanyakan remaja menganggap diri mereka lebih bijak sehingga perbuatan mereka itu menyinggung perasaan orang tua.**

- A. Perasaan ibu bapa tersentuh apabila anak-anak remaja mereka lebih bijak dan tidak menghormati orang tua.
- B. Kebanyakan remaja yang bijak hanya mementingkan diri mereka sendiri sehingga perbuatan mereka menyinggung perasaan orang tua.
- C. Perasaan orang tua yang tersinggung disebabkan sikap kebanyakan remaja yang menganggap diri mereka lebih pandai.
- D. Sebilangan besar orang tua menganggap kebanyakan remaja lebih bijak daripada mereka dan menyebabkan mereka tersinggung.

24. **Kami sekeluarga berasa bimbang apabila abang berubah sikap setelah gagal memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaannya baru-baru ini.**

- A. Keputusan peperiksaan abang yang tidak cemerlang baru-baru telah mengubah sikapnya dan hal ini telah membimbangkan kami sekeluarga.
- B. Abang telah berubah sikap terhadap kami sekeluarga apabila memperoleh keputusan peperiksaan yang tidak cemerlang dalam peperiksaannya baru-baru ini.
- C. Sikap abang telah membimbangkan kami sekeluarga setelah dia tidak memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaannya baru-baru ini.
- D. Keputusan peperiksaan abang telah membimbangkan kami sekeluarga dan sikapnya juga turut berubah setelah gagal memperoleh keputusan cemerlang.

Soalan 25 – 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

25. I Latihan karangan yang telah diberikan itu perlu disiapkan oleh kalian sekarang.
II Pak Ali mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawannya yang datang meraikan majlis hari jadi anaknya.
III Rumah tangga artis popular itu menjadi porak-peranda kerana sikap suaminya yang tidak bertanggungjawab.
IV Nafasnya kedengaran mendesis kerana kepenatan mengayuh beca.

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II dan IV
- D. II, III dan IV

26. I Marina akan melancong di luar negara selama dua minggu bersama-sama anaknya.
II Puan Fasha kepanasan kerana pendingin hawa di biliknya itu gagal berfungsi.
III Kakinya berdarah kerana terpijak akan kaca yang bertaburan di atas lantai.
IV Sangat cantik rupa gadis yang bertudung biru itu.

- A. I dan III
B. II dan IV
C. I dan II
D. I dan IV

27. I Keris yang dihadiahkan oleh ayah kepada abang berkerawang di pangkalnya.
II Dia yakin bahawa dia akan dapat menewas lawannya dalam pertandingan itu.
III Marahnya yang memuncak-muncak tadi telah surut dalam sekelip mata.
IV Beberapa keping atap zink masih bersusun di bawah rumahnya.
itu.

- A. I dan II
B. II dan III
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

28. Antara peribahasa di bawah menggambarkan bahawa kita tidak seharusnya bertindak sesuka hati dan tidak mematuhi peraturan undang-undang apabila kita melancong ke negara luar ialah
- A. di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung
B. Seperti rusa masuk kampung
C. di mana bunga berkembang, di situ kumbang berkumpul
D. hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.

Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri

29. Peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa di atas ialah
- A. air dicencang tidak akan putus
 - B. bagaimana acuan begitulah kuihnya
 - C. bagai mencurah air ke daun keladi
 - D. di mana ada gula, di situ ada semut
30. Amin akan membuat kerja rumah yang diberikan oleh gurunya apabila disuruh oleh ibunya. Jika tidak disuruh dia akan leka dan tidak akan membuat kerja rumah tersebut. Situasi di atas sesuai dengan peribahasa berikut **kecuali...**
- A. umpama mencurah air ke daun keladi
 - B. bagai lembu dicucuk hidung
 - C. bagai pahat dengan penukul
 - D. umpama malu bertanya sesat jalan

Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya

Itulah kali pertama aku pulang ke kampung. Sebelum itu aku tidak pernah kenal kampung. Aku tidak tahu keadaan kampung. Kata ibu, kampung itu penderitaan dan kesepiaan. Entahlah, entah mengapa ibu **memomokkan** begitu, aku sendiri tidak tahu.

Mula-mula tiba dahulu aku berasa agak kesepian juga, tetapi setelah satu dua hari menyesuaikan diri, kesannya ternyata berubah. Ada semacam keistimewaan yang belum pernah aku rasakan di kampung itu. Apabila memandang gunung-ganang dan padang belukarnya yang subur itu, segala rasa kesepian itu hilang. Timbul suatu macam rasa *adventure* yang menyenangkan.

Waktu petang aku selalu dibawa Pak Cik Kinto, bapa saudaraku ke bukit-bukit di belakang rumah pusaka kami. Kami menyedut udara pergunungan yang segar. Kami melihat burung-burung berterbangan. Di samping itu, Pak Cik Kinto tidak pernah lupa membawa senapang patahnya, kalau-kalau bertemu denak. Kalau bertemu, Pak Cik Kinto akan menembaknya, Pak Cik Kinto ialah penembak yang baik juga.

"Itu burung apa, pak cik?"

"Merbah Jambul."

"Sungai tu, ada ikan, pak cik?"

"Ada."

"Ikan apa?"

"Ikan Kelah, Tengas, Selimang....."

Begitulah, setiap pertanyaanku selalu dijawab Pak Cik Kinto dengan amat memuaskan. Aku tidak tahu sama ada dia bosan atau tidak dengan pertanyaanku yang pelbagai itu. Tetapi yang nyata Pak Cik Kinto melayani aku begitu baik. Justeru tidak hairanlah kalau aku sudah mula jatuh sayang padanya. Selama di kampung itu, aku dan Pak Cik Kinto dapatlah dikatakan bagai belangkas. Sering saja berdua-duaan ke mana-mana. Keadaan ini terasa dalam naluriku, sedikit sebanyak melahirkan sinar cemburu pada mata ibu.

Petang itu, aku tidak dapat ke mana-mana mengikut Pak Cik Kinto. Pak Cik Kinto telah turun ke kota bertemu peguam atas sesuatu urusan itu. Oleh itu, aku merayau-rayau seorang diri mengelilingi kampung itu. Aku masih ingat lagi ketika meninggalkan rumah tadi, ibu sedang tercegat di tingkap. Betapa murung wajah ibu. Hal ini pun aku tidak tahu sebabnya. Barangkali ibu sudah amat merindui akan bapa di kota, atau barangkali ibu memang tidak suka pada kampung yang mula membosankannya.

(Dipetik daripada **cerpen Capa Rengat** Hal.76-77, antologi *Gema Sepi Gadis Genius*, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

31. Maksud **memomokkan** dalam petikan tersebut ialah?
- A. menakut-nakutkan
 - B. mengusik-usik
 - C. mengancam
 - D. menipu
32. Mengapakah aku tidak berasa kesepian lagi setelah beberapa hari berada di kampung?
- A. Kerana aku sudah dapat merasakan diri seperti sedang menggembara di hutan belantara.
 - B. Kerana aku tidak gembira dapat melihat gunung-ganang dan padang belukarnya yang subur.
 - C. Kerana aku sudah tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana di kampung.
 - D. Kerana aku fikirkan kampung itu ada semacam keistimewaan yang tidak pernah aku rasakan sebelum ini.
33. Perwatakan Pak Cik Kinto yang jelas dalam petikan cerpen Capa Rengat ialah seorang yang...
- A. mudah mesra dengan kanak-kanak
 - B. suka menembak haiwan liar di dalam hutan
 - C. pandai memikat burung terutamanya Merbah Jambul.
 - D. gemar menggembara di dalam hutan
34. Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen Capa Rengat, **kecuali**
- A. Masyarakat yang suka akan alam semulajadi.
 - B. Masyarakat Melayu kampung yang baik dan mesra.
 - C. Masyarakat kampung yang suka berburu.
 - D. Masyarakat bandar yang kekok berada di kampung.
35. Apakah kesudahan cerpen ini?
- A. Aku melihat Pak Cik Kinto agak keberatan hendak melepaskan aku pulang ke kota.
 - B. Aku berasa sayu dan ditindih pula rasa sepi apabila teksi bergerak meninggalkan kampung.
 - C. Aku tidur dengan nyenyaknya dan bunga capa rengat sudahpun aku simpan di dalam botol.
 - D. Aku melihat tanah dan rumah pusaka di kampung itu telah diserahkan kepada Pak Cik Kinto.

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya

Syair Berbuat Jasa

Buatlah jasa wahai teruna,
Hidupmu biar memberi guna,
kamu yang mati jasa tak fana,
Asalkan buahnya elok sempurna.

Banyakkan khidmat besar dan seni,
Serahkan kepada Tuhan *Rabbani*,
Jasa yang kekal berfaedah murni,
Umur yang kedua bagi insani.

Hidup manusia jangan percuma,
Buatlah bakti budi utama,
Selagi baiknya kekal menjelma,
Si mati hidup selama-lama.

Buatlah baik sedaya upaya,
Hidup berbakti memberi cahaya,
Sumbu pelita tidak sia-sia,
Terbakar dirinya menerangi raya.

Jangan menilik balas dan puji,
Atau pahalanya dikaji-kaji,
Rasa demikian tamak dan keji,
Padalah baiknya titing dan uji.

Pahala dan balas jangan dihitung,
Ataupun bintang di dada beruntung,
Asalkan jasamu padat berdentung,
Cukuplah di situ mulai bergantung.

Buatlah baik ayuhai rakan,
Ke dalam laut kamu campakkan,
Jikalau tidak dikenal ikan,
Tuhan tahu iakah bukan.

(Dipetik daripada Antologi
Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3)

36. Perkara utama yang ingin disampaikan oleh penyair ialah...

- A. kepentingan berbuat jasa dalam kehidupan seharian.
- B. Tuhan akan membalas kebaikan yang dilakukan oleh seseorang.
- C. keikhlasan perlu semasa membuat kebaikan.
- D. ketinggian darjat orang yang sentiasa membuat kebaikan di sisi Tuhan.

Jangan menilik balas dan puji

37. Maksud syair di atas menggambarkan bahawa
- A. timbulnya perasaan tamak untuk mendapatkan balasan dan pujian setelah melakukan sesuatu kerja.
 - B. kita hendaklah mengharapkan balasan ataupun pujian setelah melakukan sesuatu kerja.
 - C. balasan dan pujian sangat diperlukan setelah melakukan sesuatu kerja.
 - D. kerja yang dilakukan tidak akan menjadi jika mengharapkan balasan dan pujian.
38. Frasa *asalkan jasamu padat berdentung* (rangkap 6) menggambarkan
- A. simile.
 - B. sinkope
 - C. inversi.
 - D. personifikasi.
39. Persoalan yang terdapat dalam rangkap ke-5 puisi ini ialah
- A. jasa yang diberi memerlukan pembalasan.
 - B. kebaikan yang dilakukan harus dikenang.
 - C. perjuangan amat penting dalam kehidupan.
 - D. kebaikan yang dilakukan perlu ikhlas
40. Mengapakah kita perlu melakukan kebaikan dalam kehidupan seharian?
- A. Supaya imej diri seseorang dapat ditingkatkan.
 - B. Agar pahala akan kekal buat selama-lamanya.
 - C. Bagi mengelakkan diri dan keluarga mendapat malu.
 - D. Sentiasa mendapat keberkatan daripada Tuhan

SULIT

02/2

Bahasa
Melayu
Kertas 2



ANJURAN
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
CAWANGAN PERLIS

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A, Bahagian B,*

Bahagian C dan Bahagian D.

2. **Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A (i)** dan **Bahagian A (ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut.
Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu soalan sahaja**.
3. Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **6** halaman bercetak

Bahagian A(i) : Ringkasan

(20 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca menyebabkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Masalah disiplin boleh dikaitkan dengan kegagalan pelajar di sekolah untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Isu ini menjadi perbualan hangat masyarakat lantaran kegagalan golongan pendidik untuk membentuk sahsiah pelajar.

Masalah ini semakin merebak ekoran kurangnya kasih sayang dan perhatian ibu bapa era globalisasi ini. Ibu bapa lebih mengutamakan kerjaya mereka sehingga alpa akan tanggungjawab mereka mendidik anak yang dahagakan kasih sayang mereka. Sementara itu, kemunculan media massa turut mendorong masalah ini memuncak dengan drastik. Kelakuan tidak senonoh yang disaksikan mereka telah menimbulkan rasa untuk mencuba perbuatan itu dalam hati pelajar. Kebanyakan masalah disiplin dikatakan satu cubaan meniru kelakuan yang telah ditonton oleh mereka sebelum ini.

Rakan sebaya yang negatif turut menjadi punca masalah disiplin pelajar semakin menjadi-jadi. Pelajar sering menganggap rakan sebaya mereka sebagai rakan yang sebenar dan sanggup berkorban untuk mereka berbanding dengan ibu bapa yang gagal menjalankan tanggungjawab mereka. Tambahan pula, kegagalan pihak sekolah bertindak pantas dan telus dalam isu ini turut menjadi faktor yang mendorong meluasnya masalah ini. Ada pihak sekolah yang merahsiakan masalah disiplin sekolah mereka kerana tidak mahu nama sekolah terjejas. Tindakan ini menyebabkan ada pelajar beranggapan bahawa perbuatan mereka melanggar disiplin tidak akan dilaporkan oleh pihak sekolah. Selain itu, prestasi akademik para pelajar di sekolah berkenaan juga turut merosot. Sikap acuh tak acuh pihak sekolah yang turut kekurangan guru disiplin ini menyebabkan pelajar semakin berani melakukan kesalahan disiplin. Oleh itu, cara pihak sekolah menangani masalah disiplin turut menentukan peningkatan masalah disiplin pelajar.

Malah, ketiadaan program selepas sekolah yang sesuai dengan pelajar turut menjadi punca masalah ini terus berleluasa. Program yang menarik dapat menghalang pelajar menghabiskan masa mereka di pusat beli-belah dan terjemurus ke dalam aktiviti menyalahi disiplin. Apa-apa yang pasti, kurangnya nilai-nilai murni dan pegangan agama dalam diri remaja itu sendiri menyebabkan masalah ini *semakin meruncing*. Hal ini demikian kerana agama yang kukuh membolehkan remaja membezakan baik dan buruknya tindakan mereka itu.

Kesimpulannya, kemelut disiplin ini sudah lama diperkatakan oleh masyarakat. Saban hari kita disogokkan dengan pelbagai cadangan yang tinggal cadangan sahaja. Mungkin kali ini kita perlu bertegas dan berpijak di bumi nyata.

(Dipetik dan di ubahsuai daripada sumber Wordpress. Com/
Punca-Punca dan Langkah mengatasi Masalah Disiplin Pelajar)

Bahagian A(ii): Pemahaman

(10 markah)

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.


1. Berikan maksud rangkai kata *semakin meruncing*.
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan, apakah kesan yang timbul jika pihak sekolah merahsiakan masalah disiplin di sekolah mereka?
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, berikan langkah-langkah yang patut diambil oleh ibu bapa untuk mengelakkan anak mereka daripada dikenakan tindakan disiplin?
(4 markah)

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kepentingan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan seharian**. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

**KEPENTINGAN AMALAN BERBUDI BAHASA
DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN**



Bahagian C

(40 markah)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah perkataan**.

1. Anda telah menyertai Kem Kecemerlangan PMR anjuran pihak sekolah.
Huraikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan sepanjang anda mengikuti program tersebut.
2. Setiap orang mengimpikan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.
Huraikan ciri-ciri keluarga impian anda.
3. Sekolah anda telah mengadakan aktiviti gotong-royong. Selaku setiausaha Kelab Alam Sekitar, anda diminta menyediakan laporan tentang aktiviti tersebut.
Sediakan laporan itu selengkapnya.
4. Kejadian kanak-kanak dan remaja hilang daripada pangkuan keluarga semakin menjadi-jadi walaupun usaha-usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk menanganinya.
Huraikan peranan masyarakat untuk mengatasi masalah tersebut.
5. *Di mana ada kemahuan di situ ada jalan* bermaksud jika ada azam, apa-apa yang dihajati akan dicapai.
Tuliskan sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Bahagian D

(10 markah)

Jawapan hendaklah berdasarkan **satu** daripada sebuah novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1, Tingkatan 2 **atau** Tingkatan 3.

- (i) Hikmah karya Mohd. Faris Ikhmal
- (ii) Erti Sebuah Pengorbanan karya Zaihanim Zainal Abidin
- (iii) 6:20 karya Siti Jasmina Ibrahim

Berdasarkan **satu** daripada sebuah novel di atas, huraikan **tiga persoalan beserta contoh** peristiwa yang terdapat dalam novel tersebut.



**ANJURAN
PERSATUAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN PERLIS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR)
TAHUN 2012**

**BAHASA MELAYU
PERATURAN PEMARKAHAN**

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT**

**SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2012
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

1	B
2	C
3	D
4	C
5	A
6	D
7	B
8	C
9	C
10	B
11	A
12	D
13	B
14	A
15	C
16	D
17	C
18	D
19	D
20	A

21	A
22	B
23	C
24	A
25	B
26	B
27	C
28	A
29	C
30	D
31	A
32	D
33	A
34	D
35	C
36	A
37	D
38	B
39	D
40	B

**SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 2
PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
PENILAIAN MENENGAH RENDAH (PMR) 2012
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

Markah penuh Kertas 2	:	100 markah
Bahagian A(i)	:	20 markah
Bahagian A(ii)	:	10 markah
Bahagian B	:	20 markah
Bahagian C	:	40 markah
Bahagian D	:	10 markah

Bahagian A(i) : 20 markah

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
 - (a) Bahasa dinilai secara tanggapan (*impression*)
 - (b) Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa sebagaimana penandaan karangan.
 - (c) Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria dibawah.

Markah bahasa (10 markah)

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	09 - 10	Bahasa baik dan lancar Berupaya menggunakan ayat sendiri. * pemilihan kata yang tepat: ayat yang gramatis * penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca yang betul.
Baik	06 - 08	Bahasa baik dan lancar. Masih berupaya menggunakan ayat sendiri. * pemilihan kata yang agak terhad. * ayat yang masih gramatis * penanda wacana masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum.
Memuaskan	03 - 05	Bahasa yang kurang lancar. Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca <p style="text-align: center;">ATAU</p> Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	01 - 02	Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah. Menyalin secara terus daripada petikan.

Markah Isi (10 markah)

Bilangan Isi	Markah
5	09 – 10
4	07 – 08
3	05 – 06
2	03 – 04
1	01 – 02

Isi-isi Cadangan

1. kurangnya kasih sayang dan perhatian ibu bapa
2. kemunculan media massa turut mendorong masalah ini memuncak dengan drastik.
3. rakan sebaya yang negatif turut menjadi punca masalah disiplin pelajar menjadi-jadi.
4. kegagalan pihak sekolah bertindak pantas dan telus dalam isu ini
5. sekolah turut kekurangan guru disiplin menyebabkan pelajar semakin berani melakukan kesalahan disiplin.
6. ketiadaan program selepas sekolah yang sesuai dengan pelajar.
7. kurangnya nilai-nilai murni dan pegagangan agama dalam diri remaja itu sendiri.

Bahagian A (ii) : Soalan Pemahaman

Soalan 1 – Maksud kata / rangkai kata (2 markah)

Markah	Deskripsi
2 markah	- Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja - Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	- Maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 – Soalan Pemahaman (4 markah)

Markah	Deskripsi
4 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- Isi cukup serta lengkap mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan serta ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak mengikut tugasan tetapi ayat gramatis - Isi tidak mengikut tugasan dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 – Soalan Pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)

Markah	Deskripsi
4 markah	- Isi relevan mengikut tugas dan ayat yang gramatis
3 markah	- Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Soalan A(ii) : Pemahaman (2 markah)

1. semakin meruncing

semakin kian amat sangat sungguh sebegitu	meruncing genting tegang memuncak
--	--

Soalan 2 (4 markah)

2. kesan pihak sekolah merahsiakan masalah disiplin

- a. kerana tidak mahu nama sekolah terjejas

[2 markah]

- b. tindakan pelajar melanggar disiplin sekolah tidak akan dilaporkan oleh pihak sekolah

[2 markah]

- c. prestasi akademik para pelajar di sekolah berkenaan juga turut merosot.

[2 markah]

- pilih mana-mana 2 isi

Soalan 3 (4 markah)

Tindakan ibu bapa untuk mengelakkan anak mereka dikenakan tindakan disiplin

- a. ibu bapa meluangkan masa dengan anak-anak
- b. ibu bapa mesti mengenali rakan sebaya anak mereka
- c. ibu bapa perlu menjadi suri teladan yang baik kepada anak-anak
- d. ibu bapa perlu mengukuhkan hubungan yang baik dengan keluarga
- e. ibu bapa perlu lebih mengetahui kebajikan anak-anak
- f. ibu bapa perlu menerapkan didikan agama dalam diri anak-anak
- g. ibu bapa memantau prestasi disiplin anak-anak di sekolah
- h. ibu bapa memenuhi keinginan anak-anak

1 isi 2 markah – pilih mana-mana 2 isi yang sesuai

[Nota : Isi-isi lain yang sesuai, diterima]

**Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
(20 markah)**

Kriteria Penskoran

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	16 – 20 (18- 20) (16 - 17)	<ul style="list-style-type: none"> - Ayat yang gramatis. - Kata dan kosa kata luas dan tepat. - Kesalahan penggunaan kata yang minimum. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Idea yang relevan berdasarkan tugas. - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang. - Pengolahan yang menarik dan berkesan.
Baik	11 – 15 (13 - 15) (11 - 12)	<ul style="list-style-type: none"> - Ayat masih gramatis. - Kata masih luas dan kosa kata tepat. - Kesalahan penggunaan kata yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum. - Idea yang relevan berdasarkan tugas. - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan masih sesuai tetapi kurang dikembangkan. - Pengolahan masih menarik
Memuaskan	06 – 10 (08 - 10) (06 - 07)	<ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis. - Kata dan kosa kata yang terhad - Kesalahan penggunaan kata yang ketara. - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea yang relevan berdasarkan tugas. - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad - Pengolahan tidak menarik
Penguasaan Minimum	01- 05	<ul style="list-style-type: none"> - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap. - Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas.

Langkah-langkah memeriksa

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
 - a) Menjawab tugas.
 - b) Bahasa
 - c) Kerelevanan idea
 - d) Pengolahan

**Bahagian C : Karangan Respons Terbuka
(40 markah)**

Kriteria Penskoran

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	33 – 40 (37 - 40) (33 - 36)	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang betul - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai. - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas. - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
Kepujian	25 – 32 (29 – 32) (25 - 28)	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang sesuai. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan kosa kata luas. - Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh. - Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas. - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.
Baik	17 – 24 (21 - 24) (17 - 20)	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum - Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas. - Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	09 – 16 (13 - 16) (09 - 12)	<ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas. - Pengolahan kurang menarik dengan pemerenggan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat / format

		bercampur aduk.
Penguasaan Minimum	01 – 08 (05 - 08) (01 - 04)	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap. -Tidak menjawab tugas soal (jenis hafalan)

Langkah-langkah memeriksa

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.
 - a) Menjawab tugas.
 - b) Bahasa
 - c) Kerelevanan idea
 - d) Pengolahan
2. Pemotongan kesalahan ejaan tidak lebih daripada 2 markah.

KRITERIA MENILAI KEMAHIRAN MENULIS

ASPEK	KRITERIA
BAHASA	- Kegramatisan : Kata (Morfologi), Ayat (Sintaksis) - Ejaan dan tanda baca yang betul - Kosa kata luas dan tepat
IDEA	- Isi-isi sesuai - Huraian isi jelas - Contoh yang sesuai
PENGOLAHAN	- Pengolahan menarik dan berkesan - Pemerenggan sesuai - Format menepati tugas - Unsur keindahan bahasa (pantun dan peribahasa)

**Bahagian D : Pemahaman Novel
(10 markah)**

Pembahagian Markah

Perincian	Markah
Isi	6 markah
Bahasa	4 markah

Perhatian bagi jawapan Bahagian D

- Jawapan berdasarkan novel-novel yang dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang gramatis.
- Berikan **1 markah** bagi huraian atau contoh yang berkaitan.
- Markah maksimum bagi huraian contoh **6 markah**.
- Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**.
- Markah bahasa diberikan secara tanggapan(impression)
- Markah maksimum **10 markah**.

Kriteria Markah Bahasa

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	- Bahasa baik dan lancar - Ayat gramatis - Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	02 – 03	- Bahasa masih baik dan masih lancar - Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	01	- Bahasa tidak cekap - Ayat tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

1. Perkara yang perlu diberikan perhatian semasa membaca jawapan calon.

- Jawapan berdasarkan **ketiga-tiga** buah novel yang telah dipelajari.
- Jawapan hendaklah dalam **ayat yang gramatis**.
- Berikan **1 markah** bagi setiap contoh yang betul.
- Maksimum **3 isi**, 1 isi daripada Tingkatan 1, 1 isi daripada Tingkatan 2 dan 1 isi daripada Tingkatan 3.
- Markah maksimum bagi pernyataan dan contoh **6 markah**.
- Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**.
- Markah bahasa diberi secara "**impression**"
- Markah maksimum **10 markah**

Contoh Persoalan

Tingkatan 1

Novel Hikmah

1. Tanggungjawab bapa terhadap kesejahteraan keluarga.

Contohnya:

Sebagai ketua keluarga, bapa bertanggungjawab menyediakan segala keperluan buat keluarganya. Namun, kegagalan melaksanakannya akan menyebabkan keluarga porak-peranda. Dalam novel ini, bapa Amri tidak bertanggungjawab dan kejam sehingga sanggup memukul ibunya. Keadaan itu menyebabkan Amri berubah sikap dan menjadi nakal di sekolah.

2. Kasih sayang ibu terhadap anaknya.

Contohnya:

Emak Amri sangat sayang dan mengambil berat terhadap Amri. Segala keperluan Amri, sedaya upaya dipenuhinya walaupun dia sendiri berada dalam keadaan lemah.

3. Tanggungjawab anak terhadap kedua-dua orang tuanya.

Contohnya:

Amri sanggup mengayuh basikal sejauh sepuluh kilometer semata-mata untuk membeli ubat buat ibunya di pekan.

4. Peranan pengawas dalam melaksanakan undang-undang sekolah.

Contoh:

Sapura dilambangkan sebagai pengawas yang amanah dan berani dalam melaksanakan tugasnya. Dia tidak takut akan ugutan dan ancaman. Dia berani melaporkan kegiatan Amri memeras ugut Saleh kepada guru disiplin.

5. Prihatin dan simpati terhadap insan yang memerlukan.

Contoh:

Sapura dan ayahnya bersimpati akan nasib yang menimpa Amri dan ibunya. Mereka sekeluarga menghantar ibu Amri yang cedera di dahi dan Amri yang cedera dipukul penyamun ke hospital.

6. Saling memaafkan atas kesilapan lampau

Contoh :

Amri sedar dan insaf akan kesalahannya terhadap Sapura. Sapura memaafkan kesalahan Amri. Begitu juga dengan bapa Amri yang sudah dihukum dan insaf atas kesilapannya. Amri dan emaknya sudah memaafkannya dan akan menunggu kepulangannya

Tingkatan 2

Novel Erti Sebuah Pengorbanan

1. Perasaan anak yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa
Contohnya:
Iman Zulaikha sering berasa tidak tenteram sejak ibu dan bapanya bercerai. Walaupun begitu, dia sentiasa berusaha untuk menyatukan ibu bapanya kembali.
2. Pemilihan kawan yang baik dapat membimbing ke arah kebaikan
Contoh :
Iman berkawan dengan Pei Wen, Zulkarnain dan Adif Danial yang sentiasa memberikan kata-kata semangat kepadanya. Mereka sentiasa berfikir secara positif apabila menghadapi masalah.
3. Perbezaan kaum tidak menghalang persahabatan.
Contohnya:
Pei Wen dan Iman merupakan sahabat baik. Mereka saling membantu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi bersama-sama. Malah Pei Wen amat menggemari masakan orang Melayu.
4. Teknologi komunikasi mampu mendekatkan hubungan dengan orang yang jauh.
Contoh:
Iman dan ibunya berhubung melalui e-mail. Bapa Iman juga sering menelefon Iman walau di mana-mana sahaja dia berada.
5. Setiap anak wajar menghormati ibunya dan tidak menaruh prasangka.
Contoh:
Iman akhirnya sedar bahawa dia tidak wajar berprasangka bahawa ibunya sudah melupakannya hanya kerana ibunya tidak membalas e-mailnya dan mempunyai rakan lelaki berbangsa Inggeris.
6. Setiap perbuatan buruk pasti akan terbongkar dan menerima padahnya.
Contohnya:
Linda merancang kejadian mencuri diari Iman. Namun akhirnya, perbuatan buruknya itu terbongkar. Linda malu dan menangis apabila guru disiplin mahu membawa perkara tersebut ke pengetahuan pengetua.
7. Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam keluarga khususnya terhadap anak-anak.
Contoh:
Ibu Adif Danial mahu membawa Adif Danial tinggal bersama dengannya di Kuala Lumpur. Dia mahu memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan terhadap Alif Danial.
8. Usaha yang gigih mampu memacu kejayaan yang cemerlang dalam pelbagai bidang.
Contoh:

Berkat kegigihannya belajar dan mengulang kaji pelajaran, Iman berjaya mendapat tempat kedua dalam peperiksaan pertengahan tahun. Iman juga berjaya menjuarai pertandingan pidato peringkat daerah hasil usaha gigihnya berlatih bersungguh-sungguh di bawah bimbingan Cikgu Julia.

9. Kemenangan bagi insan bersabar.

Contoh:

Iman sentiasa bersabar terhadap dugaan yang menimpanya. Dia tidak mudah marah walaupun Linda sering menyindirnya, malah berlaku kasar terhadapnya. Berkat kesabarannya Linda insaf.

Tingkatan 3

Novel : 6:20

Persoalan

1. Dedikasi terhadap tanggungjawab sebagai seorang pemimpin

Contoh:

Haji Syakir merupakan wakil rakyat yang berdedikasi terhadap tugasnya. Beliau terlibat dalam kerja-kerja amal membantu penduduk yang memerlukan bantuan dan sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka.

Puan Delia juga yang suatu ketika dulu merupakan seorang pemimpin wanita yang disegani dan dihormati di tempat kerjanya kerana kerajinan dan dedikasinya dalam menjalankan tugas.

2. Rasa curiga dan perasaan ingin tahu yang menebal dalam diri.

Contoh:

Sukma terkesan dengan kehadiran tetamu-tetamu misteri yang tidak dikenali muncul di hadapan pintu pagar rumahnya pada pukul 6:20 pagi. Pencerian yang berpunca daripada rasa curiga itu membawa Sukma menemukan kisah silam keluarganya yang mempunyai tragedi yang tersendiri dan kini berkaitan dengan segala yang berlaku di daerahnya.

3. Ketidaksefahaman antara generasi tua dengan generasi muda.

Contoh:

Sukma dan ibunya sering berselisih pendapat kerana ibunya sentiasa memikirkan hal yang tidak baik akan berlaku kepada anaknya. Sebaliknya, Sukma melihat melihat ibunya suka merungut, berfikiran negatif dan mementingkan nama serta taraf sebagai isteri wakil rakyat semata-mata.

Jerry pula tertekan kerana dia merasakan ibu bapanya asyik mengongkong hidupnya sementara ibu bapa Jerry hanya mahukan yang terbaik untuk kejayaan hidup anak mereka.

4. Nilai persahabatan yang kukuh akan melahirkan rasa ingin membantu dalam apa-apa jua keadaan.

Contoh:

Sukma berusaha mahu membebaskan Jerry daripada pengaruh negatif akibat kemunculan Kelab WX2. Sementara itu, Rafiq tidak sampai hati dan

bimbang mahu meninggalkan Sukma sendirian ketika menunggu Jerry di luar Kelab WX2 lalu dia menunggu Sukma di sekitar kawasan tersebut. Rafiq dan Teja turut sama membantu Sukma mendapatkan maklumat tentang tetamu-tetamu misteri.

5. Pengorbanan yang dilakukan demi melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Contoh:

Ibu Sukma sanggup merahsiakan tugas berat yang sedang digalasnya daripada pengetahuan orang lain termasuk suami dan anak kesayangannya.

Lelaki bernama Aim dicemuh masyarakat kerana menyangka dia lelaki yang jahat kerana menghidap penyakit AIDS, sedangkan dia dianiaya dan diberi dadah yang menjadi punca dia menghidap penyakit tersebut.

6. Kesakitan dan kesusahan hidup terubat dengan adanya orang yang dikasihi.

Contoh:

Nenek yang menjaga cucunya yang kecil bernama Aim, reda menghadapi segala ujian dan hidup dalam segala kekurangan kerana cucunya yang semakin membesar dan bijak itu begitu menyayanginya.

Kanak-kanak yang bernama Ehsan pula begitu tabah meneruskan kehidupan bersama dengan keluarga dan masyarakat yang prihatin terhadap dirinya meskipun dia menderita penyakit jantung dan kulit yang serius.

7. Bersedia memaafkan kesalahan mereka yang tersayang dan menerima kembali kehadiran mereka dengan hati yang terbuka.

Contoh:

Sukma berasa bersalah terhadap tuduhan yang telah dilemparkan terhadap ibunya sedangkan ibunya telah banyak berkorban demi tugas, malah menerima kembali ibunya dengan penuh rasa kasih sayang.

Ibu dan ayah Jerry yang mulanya terkejut akan perubahan anak mereka yang terlibat dalam Kelab WX2, telah menerima Jerry dengan hati yang terbuka apabila Jerry sedar akan kesalahannya dan kembali ke pengkuan mereka.

8. Pengaruh budaya dan cara berfikir dari luar boleh membuatkan remaja tersalah membuat pilihan hidup.

Contoh:

Muzik *black metal*, yang terdapat dalam Kelab WX2 mempengaruhi cara remaja berpakaian dan menunjukkan citra atau imej budaya barat seperti cara Jerry berpakaian di luar kampus. Muzik dan segala maklumat daripada internet begitu mudah mempengaruhi fikiran remaja apabila wujudnya ajaran baru yang disampaikan terutamanya tentang makna kebebasan hidup dalam mengejar kemodenan seperti yang diajarkan dalam 'ruang sepi' Kelab WX2.

(mana-mana isi yang sesuai diterima)